

# PM lawat mangsa bah

## Muhyiddin tinjau keadaan mangsa banjir di Kelantan, Terengganu

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim dan Zatul Iffah Zolkipli  
bhnews@bh.com.my

**Rantau Panjang:** Tan Sri Muhyiddin Yassin meluangkan masa kira-kira sejam melawat mangsa banjir di Kelantan, semalam.

Perdana Menteri yang tiba jam 10 pagi dengan helikopter, mendengar taklimat banjir kira-kira 30 minit daripada Ketua Jajahan Pasir Mas, Nik Noor Mohamed Nik Ishak, di Sekolah Kebangsaan (SK) Gual Tinggi yang turut dijadikan Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

Perdana Menteri turut menyampaikan sumbangan kepada 154 mangsa banjir membabitkan 59 keluarga yang ditempatkan di PPS berkenaan.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Ahmad Yakob dan timbalannya, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah.

Muhyiddin kemudian berlepas ke Terengganu pada jam 11 pagi

untuk melawat mangsa banjir di Kemaman.

Di **Chukai**, kepenatan ditanggung sepasang suami isteri mangsa banjir bagaikan hilang apabila dapat bersua Perdana Menteri yang meluangkan masa melawat PPS di Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Mentok di sini, semalam.

Zalikir Omar, 63, dan suaminya, Shafie Mohamad, 65, dari Kampung Tanjung, Bukit Mentok, di sini teruja apabila dimaklumkan Perdana Menteri melawat mangsa banjir di PPS berkenaan.

Zalikir berkata, keletihan terpaksa berpindah ke PPS berkenaan sejak kelmarin berikutan kediaman dinaiki air, terubat apabila dapat berjumpa pemimpin nombor satu negara.

“Memang amat berbesar hati dan bangga sebab Perdana Menteri turun sendiri untuk mengambil tahu apa yang dialami rakyat seperti kami.

“Kepenatan berpindah terubat sebab dapat jumpa beliau,” ka-



Muhyiddin meninjau keadaan banjir dari udara di sekitar Kemaman, semalam.

(Foto BERNAMA)

tanya ketika ditemui di sini, semalam.

Suaminya, Shafie, turut gem-bira kerana berpeluang bertemu Muhyiddin secara dekat buat kali kedua.

“Saya pernah jumpa beliau ketika banjir melanda kira-kira tujuh tahun lalu.

“Alhamdulillah, dapat jumpa lagi. Perdana Menteri memang ambil berat dengan apa yang rakyat hadapi dan sanggup turun ke PPS untuk bertanya khabar,” katanya.

Sementara itu, keadaan banjir di Kelantan dan Terengganu dilaporkan semakin baik setakat pe-

tang semalam.

Di **Kota Bharu**, cuaca baik sejak kelmarin menyaksikan jumlah mangsa banjir di Kelantan berkurangan kepada 911 mangsa membabitkan 342 keluarga setakat jam 6 petang semalam.

Semua mangsa ditempatkan di 11 PPS di Pasir Mas.

Berdasarkan Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Pasir Mas mencatat 849 mangsa membabitkan 321 keluarga yang ditempatkan di 11 PPS.

Semua PPS di Tanah Merah ditutup sepenuhnya selepas 79 mangsa dibenarkan pulang.

Di **Kuala Terengganu**, bila-

ngan mangsa banjir di Terengganu terus berkurangan susulan cuaca baik sepanjang hari.

Sehingga jam 6 petang semalam, hanya 824 mangsa daripada 211 keluarga ditempatkan di tujuh PPS di daerah Dungun dan Kemaman.

Ketua Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Terengganu, Leftenan Kolonel (PA) Che Adam A Rahman berkata, hanya 657 mangsa daripada 160 keluarga ditempatkan di tiga PPS di Kemaman.

Di Dungun, hanya empat PPS dibuka bagi menempatkan 16 mangsa daripada 51 keluarga.



Muhyiddin diiringi Ahmad (kanan) bertanya sesuatu kepada mangsa banjir ketika melawat PPS di SK Gual Tinggi, Rantau Panjang, semalam.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)



Perdana Menteri diiringi Ahmad Samsuri beramah mesra dengan petugas kesihatan Daerah Kemaman ketika melawat PPS di SK Bukit Mentok, Kemaman.

(Foto Ghazali Kori/BH)